

# Singapura bangkit isu pasir

BH - 30/6/2006

## Ruang udara antara tawaran pertukaran ketika rundingan dibuat Dr Mahathir

Oleh Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan malam mendedahkan bahawa isu penjualan pasir dan penggunaan ruang udara Malaysia sebenarnya dibangkitkan Singapura dan bukannya ditawarkan kerajaan sekarang seperti didakwa Tun Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Dr Mahathir sendiri ketika mengetuai kerajaan, memasukkan isu ruang udara sebagai salah satu isu untuk pertukaran ketika rundingan secara berpakej diadakan di antara kedua-dua negara.

Pendedahan itu dibuat Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar

dalam jawapan bertulis diedarkan di Dewan Rakyat sebagai menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur), Salahuddin Ayub (Pas-Kubang Kerian) dan Abdul Fatah Harun (Pas-Rantau Panjang).

Syed Hamid menjelaskan isu ruang udara bukan isu baru dan sudah lama dibincangkan dalam konteks rundingan dua hala secara berpakej dari 1998 hingga 2002.

"Pada 1 Mac 2005, ketika pertemuan kedua antara Menteri Kanan Singapura, Goh Chok Tong dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya bagi membincangkan isu tertunggak, Goh mengulangi permintaan Singapura supaya Malaysia

membenarkan semula penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

"Ketika pertemuan itu juga, Goh buat pertama kalinya membangkitkan isu pasir dan meminta agar Malaysia membenarkan semula penjualan pasir ke Singapura.

"Kedua-dua isu ini dibangkitkan sebagai *political quid pro quo* (tukar ganti) berdasarkan prinsip keseimbangan kepentingan bagi membolehkan Singapura bersetuju ke atas cadangan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kenyataan bekas Perdana Menteri bahawa Malaysia yang mula mena-

warkan penjualan pasir dan penggunaan udara dalam rundingan mulai September tahun lalu hingga Mac lalu, tidak berasas dan tidak benar sama sekali.

Dr Mahathir yang sebelum ini mempersoalkan beberapa keputusan kerajaan termasuk membatalkan cadangan membina jambatan itu, mengkritik keras pentadbiran Abdullah dengan menyifatkan tawaran itu yang didakwa dibuat pasukan rundingan Malaysia, sebagai mengadai kedaulatan serta merosakkan perairan negara.

Pada 12 April lalu, Perdana Menteri ketika mengumumkan pembatalan cadangan membina jambatan

itu menjelaskan keputusan berkenaan dibuat selepas kerajaan mengambil kira suara serta sentimen rakyat terutama berhubung isu bekalan pasir dan ruang udara.

Syed Hamid berkata, dalam rundingan peringkat pegawai kanan antara Malaysia dan Singapura dari September tahun lalu hingga Mac lalu, hanya dua daripada lima hak keistimewaan yang diminta Singapura, iaitu Mencari dan Menyelamat serta Transit Koridor Utara, dipertimbangkan selepas mendapat kelulusan Kementerian Pertahanan.

Namun, katanya, hak Mencari dan

## Sensitiviti rakyat diambil kira

DARI MUKA 1

Menyelamat ditawarkan berdasarkan prinsip timbal balas dan sejajar dengan amalan antarabangsa manakala Hak Laluan Koridor Utara hanya bagi tujuan laluan transit ke Laut China Selatan dan pesawat Tentera Udara Singapura tidak akan berlegar di ruang udara Malaysia.

"Penggunaan Laluan Koridor Utara itu juga dikenakan syarat tertentu oleh Kementerian Pertahanan bagi memelihara kepentingan negara," katanya.

Mengenai isu pasir, Syed Hamid berkata, kerajaan memberi pertimbangan ke atas permintaan Singa-

pura selepas mengambil kira Malaysia sebenarnya sudah lama menjual pasir kepada Singapura di bawah pentadbiran Dr Mahathir dan masih meneruskan penjualan pasir silika ke republik itu sehingga hari ini.

Bagaimanapun, katanya, berbanding penjualan pasir dijalankan di bawah pentadbiran Dr Mahathir, Malaysia mengemukakan syarat lebih ketat ketika rundingan dengan Singapura pada peringkat pegawai kanan dari September tahun lalu hingga Mac lalu.

"Syarat itu berkaitan aspek kualiti pasir, lokasi, bayaran royalti, pengeluaran lesen, prosedur Kerajaan Persekutuan dan negeri, peraturan un-

tuk melombong pasir, terma dan syarat berkaitan serta penguatkuasaan efektif bagi memelihara kepentingan negara," katanya.

Syed Hamid bagaimanapun berkata, kerajaan mengambil kira sentimen dan sensitiviti rakyat untuk tidak meneruskan pembinaan jambatan itu.

Katanya, keputusan itu bermakna Malaysia tidak perlu lagi mempertimbang pemberian ruang udara dan pasir seperti yang diminta Singapura berasaskan prinsip keseimbangan kepentingan.

Justeru itu, beliau berkata, kedua-dua isu berkenaan tidak sepatutnya dibangkitkan lagi.

Syed Hamid juga berkata, Kementerian Luar akan mengeluarkan penjelasan terperinci berhubung persoalan serta dakwaan yang dibangkitkan Dr Mahathir berhubung isu jambatan, pasir dan ruang udara.

Katanya, Wisma Putra akan bertindak secara telus dan terbuka dalam mengeluarkan dokumen berkenaan yang difikirkan penting.

"Namun, pendedahan dokumen itu perlu dilakukan secara berhati-hati supaya tidak menjejaskan kepentingan negara. Diharapkan melalui penjelasan itu, rakyat akan mendapat gambaran jelas mengenai fakta isu jambatan, pasir dan ruang udara," katanya.

LIHAT MUKA 2